

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa’)

Telunjuk Mencucuk Mata Sendiri

Alhamdulillah dengan suka hati saya mengucap terima kasih kepada Tuan Abu Sobri yang telah sedia menulis dengan panjang lebarnya di dalam majalah “Pengasuh” bilangan 240 keluaran 1 Zulhijjah 1371 itu. Di mana ia mengatakan saya salah di dalam tegur saya dahulu di dalam majalah “Qalam” bilangan 23 itu.

Tuan Abu Sobri mengatakan saya salah dahulu di dalam teguran saya itu kerana tidak kena mengena tentang Tuan Abu Sobri menerangkan”.....putaran zaman dan peredaran masa ini ia mengubahi serba serbinya kecuali Quran ia tidak kuasa menghubungi atau tidak dapat diubahkannya, sebab Tuhan sendiri telah mengaku memeliharanya.....telah ditegur oleh Tuan Musyfa’ dengan katanya, tidak terperhati oleh Tuan Abu Sobri bahawasanya banyak daripada umat Islam sendiri lelaki dan perempuan telah mengubahkan perintah dan tegahan Allah yang terkandung di dalam Quran itu dengan berbagai-bagai cara gaya, kelakuan dan amalan-amalan.....di sini cubalah tuan-tuan pembaca perhati baik-baik adakah kena mengena penerangan saya dengan tegurannya itu?”

Maka tentang kata Tuan Abu Sobri seperti tersebut di atas itu, suka saya menerangkan pula lagi. Bahawasanya sungguhpun sebutan-sebutan atau tulisan atau kandungan-kandungan Quran itu tiada siapa makhluk berkuasa mengubahinya atau tidak dapat diubahkannya, akan tetapi tidakkah banyak umat-umat Islam lelaki dan perempuan zaman sekarang mengubahi perintah dan tegahan Allah yang terkandung di dalam Quran itu dengan berbagai-bagai cara gaya, kelakuan dan amalannya? Dipendekkan kata,

umat Islam yang degil dan derhaka itu melawan perintah dan tegahan walaupun mereka itu tidak dapat mengubahkan apa-apa yang tertulis di dalam Quran itu maka mereka itu ubahkan dengan perbuatan dan amalan-amalan yang salah—yang disuruh Tuhan tinggalkan mana yang ditegahnya pula dibuat! Harus di sini baharu Tuan Abu Sobri faham dan janganlah kiranya ia bergopoh sangat mengatakan teguran atau jawapan saya itu tidak kena mengena dan di sinilah boleh diketahuinya bahawa bagaimana bunyi gendang begitu gaya rupa tarinya!

Berkenaan dengan bahasa Sanskrit pula! Sungguhnya Tuan Abu Sobri lah yang mendahuluinya di dalam “Pengasuh” bilangan 236 seolah-olehnya menunjukkan kemahirannya di dalam bahasa itu—sepertilah mencorakkan tangan ke dalam tempayan pekasam atau budu, tak dapat tiada berlumurlah lengan dengan apa yang ada di dalam tempayan itu selain daripada bauan yang tidak disukainya sendiri.

Menurut pepatah orang-orang tua Melayu—“Jika sesat di tengah jalan, baliklah semula ke pangkal jalan” maka oleh yang demikian menulishlah saya beberapa pucuk surat kepada sahabat-sahabat saya di Indonesia dan seorang Indonesia yang berjawatan di pejabat Council Indonesia di Singapura sekarang ini semua orang-orang itu sememang masyhur di dalam bahasa Indonesia maka segala jawapan-jawapan yang saya terima hampir-hampir sekata bunyinya menerangkan ada pun perkataan “pemuda” dan “pemudi” itu tidak sekali-kali perkataan bersendirian sebagaimana yang diagak-agak sahaja oleh Tuan Abu Sobri itu, dan yang sebenarnya diambil daripada perkataan Melayu “Muda” hanya ditambah huruf “pa” pada pengekalnya maka menjadilah berbunyi “pemuda” dan dibuangkan huruf “a” diganti dengan huruf “ya” pada hujungnya maka berbunyi ia “pemudi” pula.

Bagi pengetahuan saya sendiri yang sudah menduduki Tanah Indonesia hampir 20 tahun lamanya yang pada masa itu saya bercampur gaul dengan orang-orang setinggi-tinggi darjat

dan yang serendah-rendahnya maka pada masa itu orang-orang muda lelaki yang belum beristeri digelar kan pejuang-pejuang terutama sekali yang banyak menggunakan sebutan ini ialah di bandar Betawi sehingga orang-orang Lip Lap (Eurasian Belanda) pun menggunakan perkataan ini. Adapun perkataan “pejuang” itu berasal daripada perkataan “juang” ditambah huruf “pa” pada panggilan maka menjadilah ia “pejuang” tetapi bila sudah direkakan perkataan “pemuda” dan “pemudi” itu maka hilanglah sebutan “pejuang” itu. Maka di sini betulah huruf “pa” ialah satu daripada huruf-huruf penambah di dalam bahasa Melayu.

Di dalam makalah Tuan Abu Sobri itu berdegil ia bersungguh-sungguh mendirikan benang basahnya yang terendam di dalam niranya yang sedang gila itu mengatakan tiada huruf penambah di dalam bahasa Melayu teristimewa sekali “pa” pada perkataan “pemuda” itu dan diberinya pula beberapa perkataan-perkataan Melayu, yang tiap-tiap sepatahnya itu mengandungi dua atau lebih pengertiannya yang berlainan-lainan. satu daripada beberapa perkataan yang diberinya itu ialah “pemalu” ada kalanya bermakna seorang yang bersifat malu; dan adakalanya bermakna alat memalu; dan adakalanya orang yang menjalankan pekerjaan palu; dan lainnya. Di sini nyatalah Tuan Abu Sobri itu ada menggunakan huruf “pa” sebagai huruf penambah pada perkataan “palu” supaya menjadi suatu alat memalu; dan seorang yang berpekerjaan memalu.

Selain daripada perkataan-perkataan yang dirinya di dalam makalahnya di “Pengasuh” bilangan 240 itu dikatanya pula menurut kitab Tawarikh Melayu bahawa bahasa Melayu aslinya ialah “padi” nasi dan babi sahaja. Jika benarlah yang demikian tak dapat tiada nenek moyang kita zaman dahulu itu bersifat sangat binatang yang sememang-memang tiada bertutur kata jika mereka itu ternampak seekor harimau berkatalah mereka itu:....padi nasi babi! dan mereka yang lain yang mendengar tiga patah perkataan inipun larilah memanjat pohon-pohon kayu kerana hendak menyelamatkan diri masing-masing. Dan jika berkehendakkan

hal-hal yang lain sekalipun. Maka tiga patah perkataan ini jugalah disebut! Saya fikir kitab Tawarikh Melayu yang dihargai sangat oleh Tuan Abu Sobri itu pengarang atau penyusunnya belum cukup halus selidikannya ataupun ia bukan seorang Melayu.

Berkeanaan dengan perkataan-perkataan Arab bercampur dengan perkataan Sanskrit itu tiadakah suka saya ditarik nama Tuan Za'ba pula ke dalam perselisihan faham kita (antara Tuan Abu Sobri dengan saya) atau nama siapa-siapa pun hendaklah Tuan Abu Sobri ingat bahawa tiada seorang pun pendeta di alam ini yang sunyi daripada khilaf kerana sesungguhnya salah dan khilaf itu sifat kemanusiaan. benar dan meamputi itu sifat ketuhanan (Allah) saya bermohon kepada Allah Tuhan yang amat Berkuasa di atas tiap-tiap suatunya mengenai sebaik-baik pertunjuk ke atas Tuan Abu Sobri supaya janganlah ia berputar belit menggila-gila hendak mendirikan benang basahnya itu. Saya teringat pula peribahasa English “One fool makes many” dan berharaplah saya mudah-mudahan janganlah kita menjadi demikian!

Tahukah Tuan bahawa masalah iktisad itu kunci keselamatan kita masa akan datang? Tiap-tiap seorang sangat mustahak mengetahui selok belok iktisadnya dan kerana itu bacalah:
((BUNGA RAMPAI EKONOMI))
karangan Profesor Doktor Sumitru Menteri Kewangan Indonesia yang mengupas perihalnya dengan terang dan jelas.
Senaskah \$1.50-Pos 10 Sen Pesan kepada:

TERANG BULAN
c/o 356&358, Geylang Road,
Singapore 14.